

## Keunggulan Kepengarangan Drama Renjong Berasaskan Prinsip Kehadiran Teori Teksdealisme

*The Excellence of Renjong Drama Writing Based on The Presence Principle of Texdealism Theory*

**Mohd Fazil bin Musa**

*Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
ipgm-1233@moe-dl.edu.my*

**Published:** 26 April 2024

**To cite this article (APA):** Musa, M. F. (2024). Keunggulan Kepengarangan Drama Renjong Berasaskan Prinsip Kehadiran Teori Teksdealisme. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 28–40.  
<https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.3.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.3.2024>

### ABSTRAK

Kajian membincangkan tentang Teori Teksdealisme yang telah diilhamkan oleh pengkritik teks sastra tanah air iaitu Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Napiah atau Mana Sikana. Teori Teksdealisme merupakan teori asas dalam pengkajian teks sastra seperti teks drama, novel dan cerpen. Kajian ini bertujuan untuk menyetengahkan elemen kehadiran dalam prinsip Teori Teksdealisme sebagai pendedahan awal bagi sesuatu kajian teks yang hendak dilakukan. Kefahaman Teori Teksdealisme boleh membantu penyelidikan dalam teks sastra yang ingin dikaji. Kepentingan kajian ini ialah Teori Teksdealisme dapat memberi panduan asas tentang instrumen yang sesuai dan boleh digunakan dalam proses kajian teks sastra. Teori Teksdealisme mengandungi prinsip-prinsip yang diketengahkan bagi pengukuran sesuatu teks sastra. Antara prinsip yang dibincangkan dalam kajian ini adalah prinsip kehadiran dan memberi fokus kepada aspek patriotisme yang terdapat dalam teks *Kumpulan Drama Renjong*. Penggunaan elemen kehadiran dari Teori Teksdealisme ini akan dapat melihat keunggulan penulis dan penulisan karya sesuatu teks sastra dari konteks sumber pemikiran yang dilahirkan. Selain itu dapat mencerminkan pemikiran pengarang dalam kebijaksanaan dan pencetusan idea yang berani, tulus dan mempunyai kelainan bagi menghasilkan karya-karya yang bermutu dan diterima oleh khalayak. Pendedahan asas ini penting untuk generasi baru agar dapat inspirasi untuk membuat kajian berkaitan dengan teks sastra. Ia secara tidak langsung akan menjadi garis panduan bagi menilai teks sastra dan landasan bagi penulis agar dapat menghasilkan karya lebih baik dan bermutu tinggi pada masa-masa akan datang.

**Kata kunci:** eksperimentasi, keboleherjaan, aplikasi, teknik, alternatif

### ABSTRACT

The study discusses the Theory of Texdealism which has been inspired by the literary text critic of the homeland, namely Associate Professor Dr. Abdul Rahman Napiah or Mana Sikana. Textdealism theory is a basic theory in the study of literary texts such as drama texts, novels and short stories. This study aims to highlight the element of presence in the principle of Textdealism Theory as an initial exposure for a text study to be done. An understanding of the Theory of Texdealism can help research in the literary text to be studied. The importance of this study is that the Theory of Textdealism can provide basic guidance on the appropriate instruments that can be used in the process of studying literary texts. Textdealism theory contains the principles highlighted for the measurement of a literary text. Among the principles discussed in this study is the principle of presence and focusing on aspects of patriotism found in the text *Renjon Drama Groupg*. The use of the element of presence from the Theory of Texdealism will be able to see the superiority of the writer and the writing of a literary text from the context of the source of thought that was born. In

addition to being able to reflect the author's thinking in the wisdom and creation of bold, sincere and unique ideas to produce quality works that are accepted by the audience. This basic exposure is important for the new generation to be inspired to do research related to literary texts. It will indirectly be a guideline for evaluating literary texts and a foundation for writers to be able to produce better and high-quality works in the future.

**Keywords:** experimentation, workability, application, technique, alternative

## **PENGENALAN**

Istilah Teksdealisme ialah rangkuman daripada dua kosa kata iaitu “teks” dan “idealisme” yang membawa maksud teks atau karya yang ideal atau unggul. Teori teksdealisme bertitik tolak daripada premis bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk mencapai suatu tahap keunggulan dalam penciptaan karya-karyanya. Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, pengarang semestinya ada prinsip-prinsipnya yang tersendiri dalam menghasilkan setiap karya mereka. Oleh itu, seseorang pengarang akan berusaha dengan bakat, kebolehan, daya intelektual dan keterampilannya bagi menghasilkan karya yang bermutu dan lebih baik. Pengarang juga dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam menghasilkan teks yang unggul. Apabila karyanya diiktiraf sebagai unggul, pengarangnya turut mencapai tahap unggul. Mana Sikana (2006: 27), menyatakan bahawa “...untuk sampai ke sebuah teks yang unggul, pengarang dituntut mempunyai sifat keberanian dan kebijaksanaan”. Inilah yang dikatakan merupakan satu prinsip pengarang dalam mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran serta bersedia untuk melakukan inovasi dan pembaharuan.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjadikan penerapan teori menjadi fokus kajian. Oleh yang demikian, perbincangan dalam bab ini akan membentangkan huraian tentang teori teksdealisme. Huraian yang dibuat terhadap teori ini yang meliputi aspek-aspek seperti asal-usul kemunculan teori. Teori Teksdealisme ialah sebuah teori sastera yang dicetuskan oleh Mana Sikana pada tahun 1993. Teori ini diambil daripada perkataan “teks” dan “ideal” yang berfungsi mencari keunggulan seseorang pengarang dalam karya-karya sasteranya. Pengkaji akan mengaplikasikan teori dipilih bagi menilai teks-teks yang ideal, kukuh dan mempunyai originaliti serta memiliki keunggulan yang tinggi terhadap pengarang tersebut.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Seseorang yang dengan penuh semangatnya memperjuangkan dan mempertahankan kebebasan tanahair yang menjadi pembela negara dan insan seperti ini boleh dianggap sebagai patriot. Golongan patriot ini pula menjadikan patriotik sebagai satu tindakan atau perlakuan patriotisme yang diperjuangkan oleh mereka. Mereka ini meluahkan rasa kasih dan sayang yang istimewa terhadap negara mereka, menunjukkan keprihatinan yang tinggi terhadap kemajuan negara serta sanggup mengorbankan jiwa dan raga demi kecintaan terhadap negara mereka. Dalam konteks masa kini, patriotisme boleh ditafsirkan sebagai sikap, semangat dan tindak tanduk yang menjurus kepada gagasan dan usaha mengawal kepentingan, maruah dan kedaulatan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial, hubungan antarabangsa, kedaulatan, kebudayaan, agama, keselamatan, undang-undang dan sebagainya. Hal ini demikian kerana generasi muda adalah tonggak negara, bahkan Rosfazila Abd Rahman, Hairol Anuar Mak Din, Ong, Adlina Abdul Khalil dan Munira Abd Razak (2020) turut menyatakan pandangan bahawa:

*Mereka merupakan paksi kepada sesebuah negara. Golongan ini memerlukan bimbingan dan pandu arah untuk menjadi manusia yang mampu menggunakan potensi diri sebaik mungkin dan menurut arah yang betul. Oleh itu sikap semangat patriotisme perlu wujud dalam setiap diri golongan remaja. Sebagaimana kata-kata mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamed agar golongan belia memelihara dan mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh orang luar. Mereka perlu tahu tentang sejarah yang berlaku pada negara. Dengan itu, mereka akan faham tentang perjuangan, cinta akan negara dan membantu negara bagi merealisasikan wawasan 2020. Akan tetapi kita dapati kini, ramai generasi muda kurang mempunyai semangat patriotisme dalam diri mereka. Perkara ini merupakan lumrah bagi generasi muda yang lahir selepas kemerdekaan. Memandangkan semakin terhakisnya sifat semangat patriotisme dalam kalangan remaja dewasa ini, tujuan kertas kerja ini dijalankan adalah untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta cabaran yang dihadapi oleh generasi baru masyarakat majmuk Malaysia dalam mengamalkan konsep patriotisme. (ms.12)*

Selain itu, Pensyarah Kanan Sejarah Politik Malaysia di Universiti Sains Malaysia (USM), Azmi Arifin dan Abdul Rahman Ismail (2015) turut berkata kesedaran terhadap erti sebuah kemerdekaan dalam kalangan anak muda terutama remaja kini semakin dilupakan dan hanya dipelajari dalam subjek sejarah di sekolah sahaja. Tambahnya lagi, kira-kira 80 peratus anak muda kini dikatakan tidak lagi ambil cakna akan sambutan bulan kemerdekaan berbanding hanya 20 peratus sahaja yang masih kekal menghayati dan menanamkan semangat patriotisme dalam diri. Ternyata, banyak sebab perkara ini berlaku jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu.

Tambah Azmi Arifin dan Abdul Rahman Ismail (2015) lagi, pada masa ini sangat kurang rancangan bagi menaikkan semangat patriotik. Tidak hanya itu, penganjuran program berkisar kemerdekaan juga dilihat semakin hambar dan kelam. Oleh itu, bagi pendapat pengkaji sekiranya nilai-nilai patriotisme dapat dikupas daripada teks drama yang dicadangkan, secara tidak langsung akan memberi kesedaran dan membuka mata generasi baharu dan akan datang betapa pentingnya nilai dan semangat patriotisme yang perlu ditanamkan dalam diri kita seiring menelusuri kehidupan seharian.

Memandangkan pengkarya yang menghasilkan penulisan drama tersebut adalah seorang yang mempunyai nama yang besar dan tidak asing lagi dalam penulisan sastera kreatif, pengkaji terpenggil untuk mengaplikasikan kumpulan teks drama *Renjong* sebagai bahan kajian lebih-lebih lagi teks ini menerapkan elemen patriotisme dalam penceritaannya. *Renjong* dihasilkan oleh pengkarya Mana Sikana pada tahun 2013 yang diterbitkan oleh Pustaka Karya. Dalam karyanya, Mana Sikana banyak menyelitkan nilai-nilai patriotik sama ada secara terus mahupun kiasan. Susulan itu, pengkaji berpendapat unsur penjelmaan dan kehadiran unsur patriotisme dalam hasil karya Mana Sikana perlu diketengahkan dari perspektif Teori Teksdealisme.

Selain itu, pemupukan persefahaman dalam penyatuan jiwa dan diri rakyat bagi meningkatkan persefahaman antara kaum dan etnik yang ada di Malaysia amat penting dalam mengekalkan kemakmuran negara. Konsep-konsep perpaduan ini perlu diterjemahkan sebagai satu agenda patriotisme termasuklah dalam penghasilan sesuatu karya drama. Namun, ia perlulah digarap dengan sebaik mungkin supaya sentiasa kelihatan segar dalam khalayak pembaca.

Tambahan lagi, pengkaji juga ingin melihat bagaimana penghasilan sesuatu karya milik Mana Sikana menjadi satu karya yang bersifat kreatif dalam penyerapan dan pengolahan. Bukan itu sahaja, pengkaji cuba menyoroti kaedah pengkarya menerapkan elemen patriotisme dalam karya seiring pandangan dari sudut kaca mata Teori Teksdealisme. Secara tidak langsung, pengkaji dapat

melihat prinsip yang menjadi pegangan pengkarya yang membuatkan setiap karyanya dihasilkan masyhur terutamanya dalam kalangan pencinta sastera. Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, pengkaji merasakan ia perlu diungkuai, dikupas dan didedahkan kepada masyarakat pembaca agar menjadi pedoman dalam menghasilkan sesuatu karya yang bermutu malah mempunyai nilai-nilai patriotik yang tinggi.

Melalui tinjauan yang telah dilakukan oleh pengkaji, sarjana-sarjana barat terdahulu telah melakukan penyelidikan sastera rakyat bangsa kita ketika mereka menjajah negara ini suatu masa dahulu. Sarjana-sarjana yang terlibat antaranya, R.O. Winstedt, W.G.Shellabear dan Wilkinson. Terdapat juga sarjana tempatan sejak beberapa waktu ini mengusahakan penyelidikan mereka yang tetapi penyelidikan ini dianggap bukan untuk tujuan pendokumentasian, namun hanya sekadar memenuhi satu tujuan yang bersifat sementara. Bagi pengkaji, setiap penyelidikan yang dihasilkan itu perlu didokumentasikan dalam apa jua bentuk sekali pun.

## **METODOLOGI**

Pengkaji menggunakan Teori Teksdealisme yang mengandungi empat prinsip asas, iaitu prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individual. Kajian ini berfokus kepada prinsip kehadiran dalam teori ini dan diharap dapat menterjemahkan bagaimana kehadiran pemikiran penulis berkaitan dengan unsur patriotisme yang terdapat dalam karya teks drama *Renjong*.


Kajian ini adalah kajian teks berasaskan kajian kualitatif. Berdasarkan kajian teks ini, pengkaji menggunakan Teori Teksdealisme sebagai asas untuk menganalisis unsur-unsur patriotisme yang dikemukakan dalam *Kumpulan Drama Renjong* yang pilihan, iaitu *Catatan Tun Sri Lanang, Dari Lumpur, Merdeka, Jejak Pahlawan Dan Renjong* karya Mana Sikana adalah berdasarkan objektif kajian dan seterusnya menjawab persoalan yang telah dikemukakan. Berdasarkan teori yang dipilih, pengkaji akan menggunakan prinsip teori yang telah diutarakan oleh pengasas teori tersebut.

Bersandarkan tiga daripada empat prinsip utama yang terkandung dalam teori Teksdealisme ini, iaitu prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran dan prinsip individual. Pengaplikasian prinsip-prinsip ini bertujuan untuk memastikan pengkaji dapat menganalisis penerapan unsur patriotisme yang dijemakan dalam sesebuah hasil teks sastera bagi mencapai keunggulan karya. Tiga prinsip ini akan menyerlahkan keaslian sesebuah karya dan secara tidak langsung menonjolkan unsur patriotisme dalam kepengarangan seseorang pengarang.

Kajian ini merupakan kajian teks yang menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu kajian berasaskan teks menggunakan kaedah kajian bibliografi dan analisis kandungan teks. Penyelidikan kualitatif ialah pendekatan penyelidikan yang mempersembahkan dan menganalisis fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, atau persepsi. Manakala, pengumpulan data berbentuk perkataan, ayat, skrip, temu bual, atau pemerhatian, serta menggunakan kaedah induktif untuk menghasilkan teori. Juga ialah kajian yang mempersembahkan dan menganalisis fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, persepsi, pemikiran seseorang atau kumpulan yang menekankan proses dan kandungan yang tidak diuji atau diukur dari segi kuantiti atau bilangan kali. Interpretasi kes yang dikaji bergantung kepada pengkaji itu sendiri dan setiap orang mempunyai tafsiran yang berbeza dan bersifat induktif. Ini bermakna penyelidikan bermula dengan masalah dan masalah itu akan muncul secara umum dan terbuka terlebih dahulu kepada interpretasi data dan kemudian membawa kepada perkara yang khusus.

Pemilihan keratan-keratan teks turut dilakukan bagi mengenal pasti kandungan teks yang bertepatan untuk disesuaikan dengan penggunaan prinsip kepegangan yang berfokuskan unsur patriotisme dalam kajian ini. Analisis kandungan teks yang dilakukan melibatkan pemilihan masalah pencetus yang mendorong penerapan nilai patriotisme dalam watak, prolog, latar, situasi dan dialog yang berdaya intelek yang dijadikan fokus kajian. Proses penyaringan pula dilakukan bagi usaha untuk mengurangkan jumlah data dengan memilih dan mengasingkan data yang kurang relevan sepertimana yang dijelaskan oleh Miles dan Huberman (1994).

Hal ini demikian kerana kajian ini mengaplikasikan penggunaan struktur masalah yang kemudiannya melibatkan keratan teks pilihan dalam kandungan teks kajian. Setelah pengumpulan keratan teks yang relevan selesai, proses pengkodan data dijalankan. Pada peringkat ini, pengkaji mempersembahkan data dengan kaedah jadual yang sistematik bagi memudahkan pemaparan data. Data juga dapat dipersembahkan secara tersusun dan padat dengan menggunakan perkataan dan jadual berhuraian yang sesuai. Proses penganalisan data kajian ini meliputi proses yang berikut:



Rajah 1. Proses Menganalisis Data Kajian

Sumber: Penulis

Berdasarkan rajah proses analisis data kajian, dijelaskan bahawa kajian analisis tertumpu terutamanya kepada komponen teks iaitu watak, prolog, latar, situasi dan dialog yang dikaji dan diperincikan mengikut tindakan yang terkandung dalam bahagian teks kajian yang mengandungi unsur patriotisme. Bagi memastikan kesahihannya, rumusan yang terkandung dalam setiap jadual dan rajah yang dibina turut disokong oleh bukti berupa coretan teks daripada data transkrip di samping mempertimbangkan sudut pandangan alternatif iaitu pemahaman yang diperoleh daripada dapatan kajian penyelidik selain daripada silang. -cakap. -semak dengan dapatan penyelidik terdahulu.

Kaedah kajian merupakan aspek penting dalam mendapatkan maklumat bagi mengumpul dapatan kajian yang akan dijalankan. Oleh itu, pengkaji memilih kaedah kajian teks kualitatif untuk mencapai objektif yang disasarkan sesuai dengan bahan yang dikaji iaitu teks sastera yang perlu dilihat dari aspek penghasilannya yang dianggap selari. keperluan belajar. Bagi memudahkan penyelidikan ini diteruskan, kaedah Kajian Literatur digunakan untuk mengumpul maklumat dan menganalisis kandungan teks bagi menghasilkan huraian dan hujah dapatan bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif. penyelidikan yang disasarkan di samping menonjolkan kepentingan penyelidikan yang dinyatakan. Penyelidik menggunakan kaedah analisis kandungan teks untuk mengumpul maklumat tentang hujah dan huraian deskriptif. Secara keseluruhannya, keseluruhan kandungan karya dan teks turut dianalisis dan dibincangkan secara deskriptif.

Bagi proses pengumpulan data kajian, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan. Segala data diperoleh daripada buku, jurnal dan tesis yang dari perpustakaan di beberapa buah universiti pendidikan tinggi negara seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Rujukan kepustakaan perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan, data kajian yang diperolehi dan analisis kajian yang dihasilkan khususnya terhadap kajian lampau yang berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Pengkaji juga tidak ketinggalan telah memanfaatkan maklumat di hujung jari melalui penggunaan teknologi maklumat bagi memperoleh sebegitu banyak maklumat seperti jurnal, tesis dan artikel-artikel yang berkaitan kajian melalui pengaplikasian bahan-bahan daripada internet. Kaedah ini juga perlu digunakan dengan sebaiknya bagi memperoleh kajian lepas yang berkaitan dengan keperluan kajian.

Kajian ini akan didahului dengan pembacaan kumpulan drama pilihan secara santai sambil mencungkil aspek-aspek luaran seperti nilai-nilai murni dan kemasyarakatan yang menjurus kepada penerapan nilai-nilai dan semangat patriotiknya. Aspek kajian daripada sudut sastera yang merangkumi aspek dalaman menjurus hanya kepada tema, watak dan perwatakan serta bahasa akan dikaji. Penelitian, intepetasi dan rumusan daripada pembacaan akan diguna pakai dalam laporan dapatan kajian ini. Oleh itu, penggunaan kod akan digunakan pada keratan-keratan teks yang dipetik bagi memudahkan pengkaji dan penilai meneliti, melihat dan mengamati penghujahan yang akan dilakukan. Kesemua prinsip, petikan dan kod itu kemudiannya disusun agar ia mudah ketika analisis dijalankan.

Hasil penelitian mendapati tema dan unsur patriotisme banyak terkandung dalam kelima-lima teks drama kajian. Berhubung perkara berkenaan, pengkaji mengangkat tema dan unsur patriotisme ini berikutan kesesuaiannya diaplikasikan dalam kandungan teks yang seiring dengan objektif kajian yang dijalankan. Seterusnya, data dianalisis dan diperincikan dengan meneliti secara mendalam kandungan keratan teks yang telah disaring mengikut unsur patriotisme. Kaedah analisis kandungan teks ini dilaksanakan terhadap komponen watak, prolog, latar situasi dan dialog yang terdapat dalam teks *Kumpulan Drama Renjong*.

Penggunaan kaedah ini membataskan dengan hanya mengkaji lima teks dalam kumpulan drama *Renjong* yang terdiri daripada *Catatan Tun Sri Lanang*, *Dari Lumpur*, *Merdeka*, *Jejak Pahlawan* dan *Renjong*. Kesemua pilihan drama ini memfokus kepada unsur patriotisme yang membawa satu idea pemikiran yang mampu membawa wadah patriotisme untuk diterjemahkan dan dirasakan oleh khalayak pembaca serta sekalian masyarakat umumnya. Pengkaji memilih bahan berbentuk teks drama ini berdasarkan kesesuaiannya dengan teori dan objektif kajian yang disasarkan. Penelitian keseluruhan isi kandungan teks drama ini dari segi struktur plotnya adalah bersesuaian dan relevan

dengan unsur patriotisme yang diterapkan ke dalam dimensi pendidikan. Namun begitu, kajian ini hanya dibataskan dengan mengaplikasikan tiga daripada empat prinsip utama yang terdapat dalam Teori Teksdealisme.

Diteliti dari konteks penerapan nilai patriotisme, pengkaji mendapati kajian ini dapat memberi satu impak yang berkesan dari aspek pengaruh, kesan dan tarikan yang dibawa oleh kandungan penceritaan dalam setiap teks drama. Penonjolan nilai patriotisme dalam cerita sememangnya dapat merangsang khalayak pembaca yang mempunyai daya intelek untuk membuat keputusan kehidupan dalam dunia globalisasi. Menurut A. Aziz Deraman (2005) terdapat kisah-kisah silam ibu bapa dan datuk nenek seperti mana yang diceritakan oleh golongan cerdik pandai terdahulu dalam menyampaikan iktibar dan pengajaran secara tradisi lisan.

Berdasarkan tafsiran ini, pengkaji melalui analisis kajian mendapati bahawa prinsip yang digunakan dalam lima komponen teks drama menjadi pencetus pemikiran dalam kandungan penceritaan yang dipaparkan oleh pengkarya. Keberhasilan kajian oleh pengkaji terdahulu dapat dilihat dengan jelas melalui dapatan kajian karya tradisional seperti teks *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Teks sastera ini memperlihatkan ciri-ciri daya jati diri yang menyerlahkan gaya kepimpinan dan semangat patriotik yang tinggi seseorang pemimpin yang menjadi sanjungan rakyat jelata.

### **Keunggulan Kepengarangan**

Mana Sikana adalah individu yang mengasaskan dan mencetuskan teori Teksdealisme yang bermula pada tahun 1993. Ia berasal daripada gabungan dua kata, iaitu 'teks' dan 'ideal' dan wujudlah Teori Teksdealisme. Kata 'teks' mewakili bahan sastera manakala 'ideal' pula melambangkan kesempurnaan dan kedua-duanya ini berfungsi untuk mencari keunggulan seseorang pengarang dalam karyanya. Melalui pengaplikasian teori ini teks-teks yang dinilai mempunyai originalitinya yang tersendiri, ideal, kukuh dan memiliki keunggulan yang tinggi dalam menampilkan pengarang tersebut. Penampilan inilah yang perlu dimiliki oleh seorang pengkarya yang berwibawa.

Pengkarya yang unggul harus mempunyai pengalaman estetika yang kaya, luas, ketajaman deria yang tinggi, memiliki tahap pemikiran yang luar dari pemikiran orang lain dan menguasai landasan ilmu tentang pembinaan kaedah dan metod. Hal ini demikian kerana teori Teksdealisme dapat menilai serta memberi penarafan kepada seseorang pengkarya. "Sesuatu keunggulan itu perlu dibuktikan bagi penghasilan sebuah karya yang lebih baik serta bermutu daripada apa yang dihasilkan sebelum ini. Dalam erti kata lain, pengarang akan berusaha untuk melahirkan idea berkualiti bagi mengatasi pengarang lain dalam karyanya *Junaidah Salleh dalam Prosiding*" (2013, ms. 103). Hasil pembacaan rapi mendapati Teori Teksdealisme mempunyai empat prinsip utama, iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individual.

Teori Teksdealisme turut diiringi dengan empat elemen utamanya iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individual pengarang. Dalam ciri kehadiran, pengarang berpeluang untuk memilih pengalaman sendiri atau orang lain bagi menghasilkan karya yang menekankan kesesuaian, pemantapan dan kerevelanan. Tegasnya, pengarang perlu berani dan bijaksana dalam berkarya dan sentiasa membuat pengukuhan dengan menyelidik serta membuat penambahan semula supaya tergolong dalam prinsip pengukuhan.

Prinsip kehadiran dijelaskan sebagai kehadiran pemikiran yang bermaksud pengarang membentuk gagasan idea sebelum menulis sehingga selesai proses penulisan teks. Pengarang akan menggunakan apa sahaja lintasan fikiran dan imaginasi yang datang seperti bayangan fikiran, ingatan, kenangan, kutipan, penghijrahan, pengaruh dan sebagainya. Bersandarkan kreativiti yang ada, pengarang akan berusaha untuk menghasilkan karya bagi membentuk gagasan idea yang unggul. Di sini dibincangkan dua prinsip kehadiran yang digunakan oleh pengarang, iaitu yang pertama, kehadiran sebagai proses yang berterusan. Hal ini menjelaskan setiap idea akan hadir secara berterusan bermula pada peringkat pembentukan idea, pertengahan dan sehingga lahirnya sesebuah karya tersebut.

Kedua, kehadiran pemikiran yang datang secara sengaja atau tidak disengajakan. Segala pengalaman yang telah sedia hadir dalam pemikiran pengarang dikatakan sebagai keadaan kehadiran yang tidak disengajakan. Manakala, pemilihan daripada sekian banyak pengalaman-pengalaman yang sememangnya telah sedia ada dalam kotak pemikiran pengarang bagi membentuk satu-satu idea dikatakan sebagai kehadiran yang sengaja. Bagi menyeimbangkan isi dan teknik dalam menentukan kejituan mesej, kekuatan intelektual dan ketajaman minda, satu proses pemilihan akan dilakukan agar karya menjadi unggul. Oleh hal yang demikian, prinsip kehadiran akan dianalisis melalui tiga perkara yang berikut:

- i. Apakah fakta-fakta yang hadir dan dari manakah sumbernya?
- ii. Bagaimanakah fakta itu hadir dalam karya?
- iii. Apakah fungsi dan kesan prinsip terhadap teks?

Pembentukan gagasan idea oleh pengkarya sebelum berkarya hinggalah siap proses penulisan teks amat berkait rapat dengan prinsip kehadiran. Pengkarya akan menggunakan apa sahaja lintasan fikiran berdasarkan imaginasi yang datang merangkumi bayangan fikiran, ingatan, kenangan, kutipan, penghijrahan, pengaruh dan sebagainya. Bersandarkan kreativiti yang ada, pengarang akan berusaha menghasilkan karya bagi membentuk gagasan idea yang unggul. Segala pengalaman sedia ada hadir dalam pemikiran pengarang dikatakan sebagai keadaan kehadiran yang tidak disengajakan. Manakala, pemilihan daripada sekian banyak pengalaman-pengalaman yang sememangnya telah sedia ada dalam kotak pemikiran pengarang bagi membentuk satu-satu idea dikatakan sebagai kehadiran yang sengaja. Namun begitu, prinsip kehadiran kali ini akan melihat dan berfokus kepada unsur patriotisme yang dihadirkan dalam penghasilan karya.


Dalam sesetengah kes, teks adalah gaya meta yang menjelaskan apa yang ingin ditonjolkan bukanlah memperlihatkan penjelmaan kepengarangan. Tetapi, ingin melihat cara atau kaedah pengarang menjelmakan unsur patriotisme yang menjadi sisipan pengarang dalam kumpulan drama *Renjong* berdasarkan elemen-elemen yang terdapat dalam konsep Teksdealisme itu sendiri. Dalam teori sastera moden, estetika sering disarankan dan dianggap sebagai kraf. Anggapan ini adalah sama dengan mekanisme perindustrian yang menghasilkan produk mengikut model atau kesilapan yang ada. Sekiranya tip tersebut menjadi kesukaan, maka penulis akan menghasilkan karyanya mengikut agensi akhir.

Idealisme atau sifat kecemerlangan sebagai teks kesusasteraan kreatif, penulis mestilah mempunyai kualiti yang berani dan bijak. Pertama, bijak dalam memperkenalkan idea dan pemikiran baharu serta bersedia untuk membuat pembaharuan demi pembaharuan. Kedua, bijak dalam menggalakkan kerja teks untuk dilaksanakan dengan kesedaran dan bergerak secara saintifik. Tanpa kedua-dua sifat ini, teks-teks yang dihasilkan hanya akan bergerak dalam persekitaran tradisional dan tidak memasuki teks-teks yang ideal.



Penjelmaan nilai patriotisme yang terdapat dalam sesuatu karya boleh disingkap dengan wujudnya prinsip kehadiran. Kehadiran merupakan prinsip pertama yang terdapat dalam Teori Teksdealisme yang menjurus kepada pemikiran yang ingin diluahkan oleh pengarang dalam penulisan teks drama. Ini dikenali sebagai satu proses pengaliran idea dan pemikiran dalam sastra yang disampaikan kepada pembaca-pembacanya melalui cetusan perubahan yang amat kuat dalam pemikiran dan kehidupan. Oleh itu, satu kajian tentang pemikiran dalam drama perlu dijalankan memandangkan peranan pentingnya dalam perkembangan kesusasteraan Melayu.

Kajian ini turut membicarakan pelbagai isu dan pemikiran yang menjadi unsur terpenting dalam pembinaan sesebuah drama. Ia menjurus kepada penerapan nilai-nilai patriotisme yang dimainkan oleh penulis dalam setiap karyanya. Demikian itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengesan dan menggalur latar dan perkembangan teks drama pada dekad 1950-an dan dekad 1960-an serta mengkaji dan menganalisis pemikiran pengarang dalam drama pada dekad tersebut berdasarkan konteks semangat patriotisme.



**Rajah 2.** Prinsip Kehadiran Teori Teksdealisme

*Sumber: Penulis*

Dengan adanya kewujudan idea dan pembentukan pengalaman yang hidup secara berterusan itu, pengkarya turut melakukan pemilihan dan pemantapan untuk melahirkan sesebuah idea teks sastra. Keperluan terhadap lahirnya idea dan pengalaman dalam menghasilkan sesuatu karya dan membentuk jati dirinya sebagai seorang pengkarya yang mempunyai jati diri dan unggul. Latar belakang pengalaman pengkarya mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Pengkarya membina teks daripada pelbagai rangkuman dan garapan pengalaman yang antara lain merupakan sejarah kehidupannya.

Dalam konteks ini, “sumber pengalaman pengkarya mungkin dihadirkan dari peristiwa pergolakan politik, isu ekonomi, rentetan pengalaman kehidupannya, hasil daripada pembacaannya dan apa-

apa jua unsur yang hadir termasuklah yang bersifat konseptual dan kontekstual” (Mana Sikana 2006, ms. 89). Menelusuri kepengarangan kajian Mana Sikana, drama-drama pilihan yang dianalisis dihadirkan daripada sumber pengalaman pengkarya itu sendiri. Di samping itu, faktor-faktor persekitaran juga amat memainkan peranan dalam meninggalkan kesan terhadap diri dan karyanya. Antaranya, bentuk pendidikan, latar masyarakat dan suasana sekelilingnya membentuk corak dalam karya-karyanya.

Menurut Mana Sikana (2001), "Muhammad Haji Salleh meminta kami menterjemahkan teks pilihan dari Barat. Saya masih ingat saya diminta menterjemahkan teks-teks James Joyce dan Franz Kafka. Daripada kerja-kerja inilah saya dapat mengenal teks-teks yang baik dan mengesankan kepada saya" (ms. xi). Seterusnya, “beliau turut membaca karya Albert Camus, Jean Paul Sartre, Doestovsky dan ramai lagi. Di samping membaca karya Iwan Simatupang dan Putu Wijaya dari Indonesia” (Mana Sikana 2001, ms. xii). Jelasnya, minat membaca yang tinggi dan pembacaan yang luas sejak di universiti telah membantu Mana Sikana untuk menghasilkan karya-karya kreatif malahan turut mengilhamkan karya yang bercorak eksperimen dan *avant-garde* sifatnya.

Apabila kita membaca sesuatu teks aspek penyesuaian harapan, penggunaan kecekapan berbahasa yang dimiliki seperti dalam aspek sintaksis dan semantik amat penting dalam usaha memahami dan menghayati sesuatu teks. Bahkan, wujudnya unsur psikologi khalayak, iaitu seorang pembaca memasukkan pengalamannya sendiri yang pernah dialaminya sejak kecil ke dalam teks dan ia akan merasakan dirinya adalah sebahagian daripada teks tersebut. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa pengalaman khalayak pembaca memainkan peranan yang amat penting dalam proses permaknaan sesebuah teks. Kehadiran dalam diri khalayak juga merupakan suatu proses yang berterusan. Melalui pembacaan yang berbeza ke atas teks yang sama oleh pembaca yang sama akan menghasilkan pemahaman, penghayatan dan penilaian yang berbeza memandangkan pengalaman khalayak akan sentiasa bertambah.

Sudah pasti pengalaman yang lebih luas hasil penyelidikan baharu membolehkan mereka melihat makna teks tersebut dengan lebih luas lagi. Teori Teksdealisme memerlukan pengkarya dan para pembaca menanggung pengalaman seluas dan semaksimum mungkin dari pelbagai sumber dan rujukan. Pengalaman yang luas dalam gedung pemikiran pengkarya akan membolehkannya menghasilkan teks yang menarik dan beremosi. Ini kerana kepelbagaian pengalaman akan menyediakan pengkarya dengan pelbagai pilihan dan membolehkannya mencurahkan idea dengan lebih kreatif. Dengan adanya pengalaman yang luas membolehkannya khalayak memahami, menghayati dan seterusnya menilai tahap keunggulan sesebuah teks dengan baik.

Dapatan kajian mendapati sumber kehadiran patriotismenya wujud dari sumber pengalaman pengkarya dan pembacaan pengkarya. Berdasarkan apa yang dapat dilihat dalam jadual yang ditunjukkan, kelebihan dapat ditemui dalam perkembangan idea bersumberkan aktiviti pembacaan. Semua sumber nilai-nilai patriotisme ini dapat dilihat dalam Jadual 1. Senarai Semak Analisis Sumber Patriotisme Prinsip Kehadiran yang berikut:

**Jadual 1.** Senarai Semak Analisis Sumber Patriotisme Prinsip Kehadiran

<b>Prinsip</b>	<b>Sumber</b>	<b>Watak</b>	<b>Prolog</b>	<b>Latar</b>	<b>Situasi</b>	<b>Dialog</b>	<b>Jumlah</b>
Kehadiran	Pengalaman	-	-	1	-	-	1
	Pembacaan	2	1	-	1	3	7

*Sumber: Penulis*

Prinsip kehadiran yang dipaparkan menunjukkan bahawa pembacaan menjadi sumber idea yang penting bagi setiap pengkarya. Keadaan ini meliputi komponen watak, prolog, situasi dan dialog. Namun, terdapat satu komponen latar yang mengimbangi sumber idea patriotisme ini yang mewakili sumber pengalaman pengkarya.

Hal ini menunjukkan prinsip kehadiran memerlukan satu sumber daripada sesuatu idea itu hadir bagi meningkatkan kepengarangan pengkarya. Sumber itu juga melambangkan kematangan pemikiran dan akhirnya karya yang terhasil akan mencapai satu keunggulan yang tinggi. Maka dengan itu, keupayaan prinsip kehadiran sangat meyakinkan sehingga unsur patriotisme yang menjadi fokus dapat ditonjolkan penerapannya oleh pengkaji dengan begitu jelas sekali. Dalam patriotisme juga terkandung dalamnya unsur patriotisme rasmi dan patriotisme peribadi yang didapati daripada teks sastera yang dipilih oleh pengkaji. Dengan itu, jadual selanjutnya menunjukkan kelebihan yang dapat dilihat pada patriotisme peribadi berbanding patriotisme rasmi. Semua elemen nilai patriotisme ini dapat dilihat melalui Jadual 2. Senarai Semak Analisis Unsur Patriotisme Prinsip Kehadiran seperti yang berikut:

**Jadual 2.** Senarai Semak Analisis Unsur Patriotisme Prinsip Kehadiran

<b>Prinsip</b>	<b>Patriotik</b>	<b>Watak</b>	<b>Prolog</b>	<b>Latar</b>	<b>Situasi</b>	<b>Dialog</b>	<b>Jumlah</b>
Kehadiran	Rasmi	-	1	1	-	-	2
	Peribadi	2	-	-	1	3	6

Sumber: Penulis

## **PENUTUP**

Abdul Rahman Napiah atau lebih dikenali dengan nama penanya Mana Sikana diakui mempunyai daya kreativiti dan keunikan dalam berkarya. Pelbagai kaedah dan pendekatan, penerapan pelbagai aliran dan kepelbagaian penyelidikan wujud dalam penghasilan teks dramanya. Setiap karyanya tidak menampakkan *stereotaip* dan *klise* sebaliknya mengandungi misi dan visi yang disasarkan. Kepengarangan Mana Sikana ini telah diukur dengan menggunakan Teori Teksdealisme oleh beberapa pengkaji terdahulu. Namun, kajian kali ini memperlihatkan karya Mana Sikana diserlahkan melalui penerapan unsur patriotisme berdasarkan teori pegangan, iaitu Teksdealime.

Unsur patriotisme telah digarap dengan begitu kemas sekali ke dalam kelima-lima teks dramanya dengan berdasarkan prinsip-prinsip Teksdealisme yang didokongnya, iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individual. Hasil kajian pengkaji mendapati banyak yang dapat yang boleh dibicarakan dalam perkembangan prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran dan prinsip individual ini. Pengkaji mendapati ketiga-tiga prinsip pilihan yang diaplikasikan oleh Mana Sikana dalam pengkaryaan teks sastera menjadi tunjang kepada keunggulan karyanya dalam teks sastera *Kumpulan Drama Renjong*. Kelima-lima teks drama yang terkandung dalam *Kumpulan Drama Renjong* mempunyai keistimewaannya antara satu sama lain. Dengan berbekalkan penerapan unsur patriotism, pengkarya melonjakkan kelima-lima teks dramanya ke satu persada keunggulan kepengarangan.

Penggunaan prinsip kehadiran dalam penjelmaan patriotisme amat jelas dan kelihatan mengisi ruangan pada setiap sudut karyanya merangkumi aspek patriotik rasmi dan peribadi dengan penggunaan yang menyeluruh. Mana Sikana pernah menjelaskan bahawa pemilihan aliran amat penting bagi seseorang pengarang. Prinsip kehadiran membawa elemen patriotisme dalam

penghasilan karya dramanya kelihatan lebih baik dan segar berbanding dari sebelumnya. Penglibatan Mana Sikana dalam penghasilan karya drama sejak 1960-an menjadi satu usaha yang berterusan sehingga kini dengan penampilan idea-idea yang baharu. Tidak hairanlah bahawa pengkarya telah mengukuhkan dramanya dengan menyelitkan unsur patriotisme dari sudut pemikiran, watak dan aliran.

Drama karya Mana Sikana ternyata mencerminkannya sebagai seorang pengkarya yang mahu mewakili bangsa dan agamanya yang dipancarkan melalui penerapan unsur patriotisme. Unsur patriotisme yang berjaya disemai dalam teksnya itu dapat ditelusuri menerusi subjek-subjek yang ditimbulkan dalam drama-dramanya. Drama-drama yang menampilkan subjek Melayu dan Islam yang dicernakan dengan kreativiti dan inovatif yang penuh hikmah melambangkan unsur patriotisme memainkan peranan penting dalam menggayai karyanya yang dihasilkan. Prinsip kehadirannya juga berjaya menyerap setiap unsur patriotisme yang kebanyakannya diperoleh hasil daripada pembacaannya yang sememangnya menarik minat membaca sejak dari bangku sekolah lagi. Sifat inilah yang menambah tebalnya sikap patriotisme dan semangat kenegaraan yang amat tinggi dalam diri pengkarya.

Dalam drama *Renjong*, Mana Sikana menunjukkan kesungguhannya dalam menghasilkan drama-drama patriotik bagi membuktikan bahawa beliau sentiasa berusaha untuk mencari sesuatu yang baharu sepanjang tempoh pengkaryanya. Hal ini memperlihatkan beliau telah melakukan percubaan demi percubaan untuk menghasilkan pembaharuan dalam berkarya. Perlanggaran yang dilakukan dalam aliran Realisme dan memasuki aliran Eksistensialisme membawa isyarat bahawa pengkarya ingin mencari kelainan daripada dramatis lain di tanah air. Dengan memasuki aliran baharu dalam penghasilan karya drama membolehkan beliau meneroka idea-idea baharu yang seiring dengan peredaran zaman dan perkembangan semasa.

Kesimpulannya, sesebuah karya sastera tidak akan dapat mencapai originalitinya serta keunggulannya seandainya ia dihasilkan oleh seseorang pengarang yang tidak memiliki sifat keunggulan itu sendiri. Ini adalah kerana sifat keunggulan itu perlu ada dalam diri seseorang pengarang bagi menampilkan dirinya menjadi pengarang yang luar biasa dan seterusnya mencapai keunggulan dalam penghasilan karya sastera. Sementara itu, aspek-aspek penekanan dalam metodologi kajian ialah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data atau maklumat dan teori kajian yang merangkumi pengertian teori, sejarah kemunculannya, prinsip-prinsip teori dan juga kerangka teori.

## **RUJUKAN**

- A. Aziz Deraman. (2005). *Pengajian Malaysia: Sejarah, isu dan metodologi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Ali, Mana Sikana & Azhar Wahid. (2012). *Seminar teori dan kritikan sastera Malaysia*. Univision Press Sdn Bhd.
- Ani Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Emeritus Publications.
- Azmi Ariffin & Abdul Rahman Ismail. (Eds.). (2015). *Sejarah Malaysia: Wacana kedaulatan bangsa, kenegaraan dan kemerdekaan*. Penerbit USM.
- Baharuddin Zainal. (1974). *Mendekati kesusasteraan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Utusan Publications
- Edward Hallett Carr, E.H. (1961). *What is history?*. Penguin.
- Faridah Taib dan Zuraidah Ali. (1995). *Hasil mineral*. Penerbitan Pinang.

- Fauzi Hassan. (2019). *Keunggulan kepengarangan Faisal Tehrani dari perspektif Teksdealisme* [Disertasi kedoktoran tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Jumali Selamat. (2012). *Pengucapan awam: Strategi dan kemahiran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidah Salleh. (2013). *Junaidah Salleh dalam prosiding*. AIP Conference Proceeding.
- Maizatul Akma Aziz dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi Aziz (2019). Patriotisme peribadi dalam novel-novel pilihan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1),63-92.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/21791>
- Mana Sikana (1993). *Kritik sastera Melayu: Antara estetika dengan psikolog*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1995). *Drama Melayu moden*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1995). *Teori sastera Teksdealisme dalam Rumpun*. Penerbit Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2001). *Pemikiran sastera Melayu: Satu perspektif pascamodenisme*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2003). *Membina keunggulan tradisi sastera*. Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu tradisional, moden dan pascamoden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Teori sastera Tekdealisme*. Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2013). *Renjong*. Bangi: Pustaka Karya.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Mills, L. A. (2003). *British Malaya 1824 – 67*. MBRAS.
- Nathanson, S. (1993). *Patriotism, morality, and peace*. Rowman & Littlefield.
- Nazri Muslim, & Jamsari Alias. (2004). *Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia*. [Pembentangan seminar] Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pascamodenisme (SIVIC 2004), Langkawi, Kedah.
- Noor Hasliza Nusi, (2022). *Arterial Stiffness: Implication and Interventions*. Nova Science Publishers.
- Nur Suraya Ahmad. (2010). *Kepengarangan Mana Sikana: Satu analisis Teksdealisme* [Tesis tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reykowski, J. (1997). Patriotism and the collective system of meanings. In *Patriotism: In the lives of individuals and nations*. Nelson-Hall.
- Rosfazila Abd Rahman, Hairol Anuar Mak Din, Ong, Adlina Abdul Khalil dan Munira Abd Razak. (2020). *Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sebagai gerakan non-partisan (1970-an hingga 1980-an): Suatu analisis kritikal*. Unuversiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Takdir Alisjahbana. (1986). *Social and Cultural Revolution*. Oxford University Press.